



# LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur  
Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur

Tel : 03-26982878/26107087 Faks : 03-26936881  
E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

## PEKELILING AM BIL. 1/2025

### GARIS PANDUAN UNTUK PENSIJILAN BORANG G8 (KEPERLUAN PEMASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN – SENI BINA) OLEH ORANG UTAMA YANG MENGEMUKAKAN (PSP)

#### 1.0 PENGENALAN

- 1.1. Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) telah terlibat dalam beberapa sesi libat urus bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), susulan insiden terbaru berkaitan pemalsuan ‘Sijil Keselamatan Kebakaran’ yang dikeluarkan oleh BOMBA. Sijil palsu ini telah digunakan untuk menyokong pensijilan berikut:
  - **Borang G8:**  
Keperluan Pemasangan Keselamatan Kebakaran (Seni Bina) oleh Orang Utama yang Mengemukakan (PSP)
  - **Borang G9:**  
Sistem Penggera Kebakaran dan Sistem Pemadaman Kebakaran (Mekanikal dan Elektrikal) oleh Orang yang Mengemukakan (SP)
- 1.2. Memandangkan implikasi serius akibat pemalsuan ini, pekeliling ini dikeluarkan bagi memberikan panduan mengenai prosedur yang betul untuk mengesahkan ketulenan Sijil Keselamatan Kebakaran sebelum pensijilan Borang G8 oleh PSP.
- 1.3. Adalah dimaklumkan bahawa Borang G9 yang melibatkan Sistem Penggera Kebakaran dan Sistem Pemadaman Kebakaran (Mekanikal dan Elektrikal) adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan akan ditangani secara berasingan oleh LJM untuk pematuhan oleh jurutera profesional berdaftar mereka.

## **2.0 TANGGUNGJAWAB ORANG UTAMA YANG MENGEMUKAKAN (PSP)**

### **2.1. Pengesahan Ketulenan Sijil**

Menjadi tanggungjawab PSP untuk mengesahkan ketulenan '**Sijil Keselamatan Kebakaran**' yang dikeluarkan oleh BOMBA sebelum mengesahkan Borang G8. Garis panduan berikut telah disediakan oleh BOMBA:

- Untuk **projek berskala besar dan berisiko tinggi**, Sijil Keselamatan Kebakaran hendaklah ditandatangani oleh **Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran**.
- Untuk **projek berskala sederhana dan berisiko sederhana**, Sijil Keselamatan Kebakaran ditandatangani oleh **Pengarah Negeri**.
- Untuk **projek berskala kecil dan berisiko rendah**, Sijil Keselamatan Kebakaran ditandatangani oleh **Ketua Zon**.

PSP perlu mendapatkan dan melihat salinan asal sijil yang telah ditandatangani oleh BOMBA bagi memastikan tiada pengubahsuaian atau pemalsuan. Sekiranya terdapat keraguan mengenai ketulennannya, perkara ini hendaklah dirujuk terus kepada BOMBA melalui saluran rasmi mereka. Berikut ialah petikan surat daripada BOMBA;

3. Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang pada masa hadapan, pihak Lembaga Arkitek Malaysia hendaklah memaklumkan kepada semua Arkitek berkaitan ketulenan Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat G8 (Pasif) dan G9 (Aktif) iaitu sepetimana berikut:
- 3.1. Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat hanya ditandatangani oleh Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran bagi projek berskala besar dan berisiko tinggi;
  - 3.2. Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat hanya ditandatangani oleh Pengarah Negeri bagi projek berskala sederhana dan berisiko sederhana; dan
  - 3.3. Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat hanya ditandatangani oleh Ketua Zon bagi projek berskala kecil dan berisiko rendah.

## **2.2. Pengesahan dan Perakuan oleh SP untuk Borang G9**

PSP juga perlu mengingatkan dan meminta SP yang bertanggungjawab untuk Borang G9 menjalankan proses pengesahan yang sama. SP perlu mengesahkan bahawa 'Sijil Keselamatan Kebakaran' bagi Borang G9 telah disahkan sebelum disertakan dalam pengeluaran Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) atau Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan Sebahagian (Partial CCC) oleh PSP.

## **3.0 PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN**

- 3.1. Semua ahli dikehendaki mematuhi arahan ini sepenuhnya. Sebarang ketidakpatuhan, pelanggaran atau percanggahan terhadap garis panduan ini dianggap sebagai pelanggaran Pekeliling Am dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Arkitek 1967.

Dengan Perintah Lembaga Arkitek Malaysia,



**(Ar. HANI YULIATI BINTI MOHD LASA)**

**Pendaftar**

20 Mei 2025

Edaran: Semua ahli berdaftar